

PENYATA PENERUSI

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Beraudit Lion Corporation Berhad ("LCB") bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2011.

PRESTASI KEWANGAN

Kumpulan menempuh satu tahun yang amat sukar berikutan operasi teras kita, produk besi rata terjejas bukan hanya berikutan kelembapan ekonomi dunia malah lebih parah lagi, penurunan drastik dalam pesanan tempatan. Megasteel Sdn Bhd ("Megasteel"), pengeluar tunggal gegelung gelek panas ("HRC") di negara ini dan anak syarikat utama Kumpulan, mengalami penurunan hasil perolehan yang ketara ekoran kejatuhan teruk pesanan tempatan bagi HRC. Biarpun mengikut fakta, permintaan HRC dalam negara meningkat pada tahun 2010, pengeluaran Megasteel telah terjejas teruk akibat kebanjiran produk-produk import ke dalam pasaran oleh para pengimport yang tidak bertanggungjawab dengan menyalahgunakan kelemahan atau kebocoran dalam peraturan import. Sektor perniagaan keluli yang asalnya diunjur mempunyai tinjauan masa depan yang cerah, menjadi bertambah malap berikutan permintaan luar negara yang lemah disebabkan kemelut ekonomi yang dihadapi oleh negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat ("AS") kerana masalah hutang dan penurunan penarafan kredit. Kenaikan mendadak harga bahan mentah, bersama-sama kos bahan api yang tinggi turut menjejaskan lagi prestasi Megasteel.

Disebabkan persekitaran operasi yang menjejaskan bagi tahun kewangan dalam kajian, Kumpulan mencatat perolehan yang lebih rendah berjumlah RM3.1 bilion berbanding RM3.7 bilion pada tahun lalu. Kerugian sebelum cukai berada pada paras RM348 juta berbanding RM145 juta pada tahun sebelumnya.

Syarikat sekutu utama kita, Lion Industries Corporation Berhad, yang terlibat terutamanya dalam pembuatan produk keluli panjang, juga berdepan dengan permintaan lemah dan kemerosotan margin. Bagaimanapun, keputusan kewangan lebih rendah daripada perniagaan keluli sebahagiannya telah diimbangi oleh prestasi lebih baik dalam operasi-operasi lain untuk membolehkannya menyumbang keuntungan sejumlah RM67 juta kepada Kumpulan LCB.

Kumpulan juga telah mengadakan perbincangan dengan beberapa pihak untuk merasionalkan perniagaan kelulinya dan sekiranya berjaya dilaksanakan, pinjaman dapat dikurangkan dan kedudukan kewangan akan menjadi lebih kukuh.

PERKEMBANGAN KORPORAT

Dalam tempoh dalam kajian, Kumpulan telah menyelesaikan penjualan keseluruhan 50.01% kepentingan ekuiti dalam Kinabalu Motor Assembly Sendirian Berhad kepada MBM Resources Berhad, dengan bayaran tunai sebanyak RM1 dan membuat penyelesaian secara tunai terhadap hutang antara syarikat sejumlah RM13 juta.

KAJIAN OPERASI

Kumpulan terlibat terutamanya dalam kegiatan berikut:

- Pembuatan dan penjualan HRC, gegelung gelek sejuk ("CRC") dan produk berkaitan keluli yang lain ("Keluli");
- Pembangunan hartanah ("Hartanah");
- Pembuatan dan penjualan peralatan pejabat, produk peralatan keselamatan dan produk berkaitan keluli ("Perabot"); dan
- Pegangan pelaburan, jualan kenderaan komersial, pendaftaran saham dan perkhidmatan kesetiausahaan ("Lain-lain").

(RM'Juta)	Perolehan		Keuntungan/ (Kerugian) Operasi	
	2011	2010	2011	2010
Keluli	3,017	3,606	(146)	249
Hartanah	68	61	29	17
Perabot	31	32	1	1
Lain-lain	3	4	8	8
	3,119	3,703	(108)	275

("Keuntungan/(Kerugian) Operasi" merujuk kepada keuntungan/(kerugian) operasi sebelum mengambil kira faedah, pendapatan pelaburan, bahagian hasil kewangan syarikat-syarikat sekutu dan pencukaian)

Bahagian Keluli

Operasi keluli Kumpulan yang terutamanya melibatkan pembuatan HRC, salah satu bahan mentah utama untuk nilai tambah lebih tinggi bagi aplikasi berkaitan pembuatan, kejuruteraan, perindustrian dan pembinaan, menyaksikan tahun kewangan yang luar biasa sukarnya. Prestasinya terjejas teruk oleh tindakan para pengimport yang tidak bertanggungjawab melambatkan produk-produk asing dalam pasaran HRC tempatan selepas mengambil kesempatan daripada kelemahan dalam peraturan import.

Dalam usaha mengelakkan keadaan lebih parah terjadi kepada industri keluli rata tempatan yang terdiri daripada HRC dan CRC, pada bulan April 2011, Megasteel telah mengemukakan petisyen rayuan kepada Kerajaan supaya mengenakan duti perlindungan sebanyak 35%, yang akan menaikkan duti import ke atas HRC yang mampu dihasilkan di dalam negara daripada 25% kepada 60%. Peningkatan itu akan mewujudkan persaingan yang adil kepada industri keluli rata tempatan memandangkan negara-negara Asean yang berjiran menguatkuasakan duti anti-lambakan yang lebih tinggi.

Bagaimanapun, Kerajaan telah menolak permintaan Megasteel untuk mengenakan duti perlindungan selepas menerima bantahan para pengeluar keluli hiliran yang lebih cenderung melihat kepada perkembangan jangka pendek berbanding jangka panjang dalam industri keluli tempatan. Walaupun amat kecewa dengan halangan sementara itu, Megasteel akan terus bekerjasama rapat dengan Kerajaan untuk mengukuhkan industri keluli tempatan dengan mengenal pasti dan menangani kekurangan serta kelemahan-kelemahan yang ada.

Bagi tahun kewangan dalam kajian, perolehan menyusut ketara kepada RM3 bilion berbanding RM3.6 bilion pada tahun sebelumnya. Bahagian telah mengalami kerugian operasi berjumlah RM146 juta berbanding keuntungan sebanyak RM249 juta pada tahun sebelum ini.

Tinjauan masa depan Bahagian ini kekal mencabar dan kerjasama rapat akan diteruskan dengan semua pihak untuk memastikan persaingan yang adil bagi para pengeluar keluli tempatan.

Bahagian Hartanah

Bahagian Hartanah kita terlibat dalam memajukan sebuah perbandaran utama di Cheras dikenali sebagai 'Bandar Mahkota Cheras', kini hampir lengkap dimajukan. Terletak di sebuah lokasi strategik iaitu berhampiran Batu 9 Jalan Cheras, Kuala Lumpur dan berhampiran Kelab Golf Sungai Long, perbandaran serba lengkap dengan pegangan hak milik bebas itu menawarkan kehidupan desa berkualiti dilengkapi pelbagai kemudahan.

Projek ini terus mendapat sambutan memuaskan daripada para pembeli semasa pelancaran-pelancaran yang dilakukan sejak beberapa tahun lalu. Di sebalik sentimen yang berhati-hati dalam pasaran hartanah pada tahun kewangan, Bahagian ini telah meraih keuntungan yang memberangsangkan berjumlah RM29 juta melalui catatan perolehan yang lebih tinggi berjumlah RM68 juta.

Bahagian ini akan terus memberikan penekanan kepada konsep pembangunan menyeluruh membabitkan kesemua sumbernya dalam usaha menjadikan setiap produk secara tersendiri boleh dipasarkan. Ini akan mewujudkan peluang-peluang untuk kita menaikkan nilai jualan yang membawa kepada peningkatan margin keuntungan.

Bahagian Perabot

Bahagian Perabot mencatat perolehan yang mendarat bagi tahun kewangan dalam kajian memandangkan permintaan bagi pasaran domestik dan eksport kekal tidak berubah. Jualan bagi pasaran Timur Tengah yang merupakan penyumbang utama kepada hasil eksport kita terjejas akibat pergolakan politik di rantau tersebut. Keuntungan operasi lebih rendah dicatatkan dalam tahun kewangan semasa apabila produk kita berdepan dengan tekanan harga berikutan pengukuhan berterusan nilai mata wang Ringgit berbanding dolar AS.

Bahagian ini akan terus agresif untuk menguasai pasaran yang lebih besar dengan memperluaskan asas pelanggan yang sedia ada dan memperkenalkan rangkaian produk baru dengan ciri-ciri nilai tambah yang lebih baik bagi menyasarkan kepada pasaran khusus.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Kita memperakui pentingnya Tanggungjawab Sosial Korporat ("CSR") sebagai sebahagian daripada perniagaan dan telah menerapkan rangka kerja CSR dalam rancangan perniagaan untuk meningkatkan keyakinan pemegang kepentingan akauntibiliti dan ketelusan. CSR menjadi komponen yang semakin penting dalam amalan perniagaan yang baik disasarkan ke arah menambah baik masyarakat dan alam sekitar.

Masyarakat

Dalam menjalankan aktiviti perniagaan, Kumpulan sentiasa peka kepada tanggungjawabnya sebagai warga korporat dalam memberi sumbangan kepada masyarakat di samping meningkatkan keuntungan dan nilai pemegang saham. Kumpulan menumpukan usaha membantu masyarakat di dalam bidang pendidikan dan penjagaan kesihatan melalui dua buah Yayasan yang ditubuhkan oleh Syarikat-syarikat Kumpulan Lion yang mana Kumpulan merupakan salah satu daripada ahlinya.

Yayasan Lion-Parkson mengagihkan dana untuk pelbagai tujuan termasuk pendidikan, kebajikan dan penyelidikan saintifik; dan pada setiap tahun menawarkan biasiswa dan pinjaman pendidikan kepada bakal graduan universiti tempatan. Yayasan juga terlibat dalam program tahunan Educare di mana kesemua stor Parkson menyediakan pusat mengumpul keperluan persekolahan seperti pakaian, kasut dan peralatan yang disumbangkan oleh orang ramai, yang akan disalurkan kepada pelajar yang memerlukan di seluruh negara. Tabung Bantuan Perubatan Kumpulan Lion menyediakan bantuan kewangan kepada mereka yang kurang bernasib baik untuk mendapatkan rawatan perubatan termasuk pembedahan, pembelian peralatan perubatan dan ubat-ubatan. Tabung ini juga menaja program kesihatan kemasyarakatan seperti kem-kem kesihatan dan pembelian mesin-mesin dialisis bagi keperluan Pusat Dialisis yang menawarkan perkhidmatan secara bersubsidi kepada pesakit buah pinggang.

Kumpulan juga menyumbang kepada masyarakat melalui penyertaannya dalam program kebajikan dan kempen pungutan derma bagi membantu mereka yang memerlukan.

Alam sekitar

Ketika penekanan diberikan kepada kemajuan teknologi dan industri, Kumpulan amat prihatin terhadap isu alam sekitar termasuk meneroka teknologi terkini dan menerima pakai amalan perniagaan yang mesra alam. Operasi-operasi Kumpulan mematuhi undang-undang dan peraturan alam sekitar yang diguna pakai oleh industri yang ia mempunyai operasi. Ini termasuk pengurusan pelepasan bahan buangan yang bertujuan mengurangkan penggunaan tenaga, sisa buangan dan pelepasan asap.

Kumpulan mengguna pakai peraturan-peraturan keselamatan, kesihatan dan alam sekitar secara sistematik, diperkukuhkan dengan latihan dan pengawasan berterusan untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan para pekerja.

PROSPEK

Pemulihan sementara ekonomi negara-negara perindustrian utama terjejas dengan penurunan penarafan AS, masalah hutang Eropah dan bencana alam di Jepun pada bulan Mac 2011. Perkembangan ini telah membawa kepada kelembapan ekonomi global dengan harga keluli antarabangsa dijangka kekal merosot.

Dalam melangkah ke hadapan, Megasteel akan terus bekerjasama rapat dengan Kerajaan untuk menangani masalah lebihan import produk-produk keluli yang dijual pada harga lambakan dan membantu merumuskan satu persekitaran yang menyokong industri keluli tempatan untuk berkembang, meningkat dan memperluas secara lebih teratur.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tulus ikhlas kepada para pelanggan, pembekal, pembiaya kewangan, sekutu perniagaan, pihak berkuasa Kerajaan dan pemegang saham yang dihargai kerana terus memberikan sokongan, kerjasama dan keyakinan kepada Kumpulan.

Saya juga ingin menyatakan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada rakan-rakan Pengarah atas bimbingan dan sumbangan mereka yang tidak ternilai di sepanjang tahun serta penghargaan saya kepada warga kerja di semua peringkat atas dedikasi, komitmen dan sumbangan mereka kepada Kumpulan.

TAN SRI WILLIAM H.J. CHENG

Pengerusi

CHAIRMAN'S STATEMENT

On behalf of the Board of Directors, I hereby present the Annual Report and Audited Financial Statements of Lion Corporation Berhad ("LCB") for the financial year ended 30 June 2011.

FINANCIAL PERFORMANCE

It has been a very difficult year for the Group with its core flat steel products operations affected not only by the global economic slowdown but more seriously, by the drastic drop in local orders. Megasteel Sdn Bhd ("Megasteel"), the country's sole producer of hot rolled coils ("HRC") and the Group's major subsidiary, experienced a significant drop in revenue on account of a plunge in local orders for HRC. Despite the fact that domestic consumption of HRC had in fact increased in 2010, Megasteel's production had been severely dented by the surge in imports by unscrupulous importers who had flooded the domestic market by exploiting loopholes in the import regulations. What was originally expected to be a reasonably bright outlook for the steel sector had been further dampened by the soft overseas demand brought about by the economic woes faced by the European countries and the United States ("US") as a result of the debt and ratings downgrade. The rapid increase in raw material prices, coupled with higher energy costs further eroded Megasteel's margin.

Due to the adverse operating environment, for the year under review, the Group recorded a lower revenue of RM3.1 billion as against RM3.7 billion last year. Loss before taxation stood at RM348 million as compared to RM145 million in the previous year.

Our main associated company, Lion Industries Corporation Berhad, which is primarily involved in the manufacturing of long steel products, also encountered weak demand and margin erosion. However, the lower results from its steel business were partly offset by the better performance of its other operations and resulted in a RM67 million profit shared by the LCB Group.

The Group had also been in discussion with various parties to rationalise its steel business and when successfully completed, will enable it to pare down its borrowings and strengthen its financial position.

CORPORATE DEVELOPMENT

During the year under review, the Group completed the disposal of its entire 50.01% equity interest in Kinabalu Motor Assembly Sendirian Berhad to MBM Resources Berhad, for a total cash consideration of RM1 and a cash settlement of inter-company debts for an amount of RM13 million.

REVIEW OF OPERATIONS

The Group is principally engaged in the following activities:

- Manufacturing and sale of HRC, cold rolled coils ("CRC") and other steel related products ("Steel");
- Property development ("Property");
- Manufacturing and trading of office equipment, security equipment and steel related products ("Furniture"); and
- Investment holding, sale of commercial vehicles, share registration and secretarial services ("Others").

(RM'Million)	Revenue		Operating Profit/(Loss)	
	2011	2010	2011	2010
Steel	3,017	3,606	(146)	249
Property	68	61	29	17
Furniture	31	32	1	1
Others	3	4	8	8
	3,119	3,703	(108)	275

("Operating profit/(loss)" refers to operating profit/(loss) before interests, investment income, share in results of associates and taxation)

Steel Division

The Group's steel operation, which is primarily involved in the manufacturing of HRC, one of the key raw materials used in higher value-added manufacturing, engineering, industrial and construction related applications, witnessed an exceptionally difficult year. Its performance was badly affected by unscrupulous importers who had flooded the local HRC market by taking advantage of loopholes in the import regulations.

With a view to avoid further serious injury to the domestic flat steel industry comprising HRC and CRC, Megasteel had in April 2011 petitioned the Government for a safeguard duty of 35%, thereby raising the import duty on HRC which can be produced locally from 25% to 60%. This would create a level playing field for the domestic flat steel industry as neighbouring Asean countries have much higher anti-dumping duties in place.

However, the Government had rejected Megasteel's request for a safeguard duty after receiving objections from downstream steel producers who were intent on taking a short-term narrow view as opposed to the long-term development of the local steel industry. Although hugely disappointed by the temporary setback, Megasteel will continue to work closely with the Government to strengthen the local steel industry by identifying and plugging the loopholes and leakages taking place.

For the year under review, revenue declined substantially to RM3 billion from RM3.6 billion the previous year. The Division incurred an operating loss of RM146 million compared to a profit of RM249 million the year before.

The outlook for the Division remains challenging as it continues to work closely with all parties to ensure a level playing field for local steel manufacturers.

Property Division

Our Property Division is involved in the development of a major township in Cheras known as 'Bandar Mahkota Cheras' which township is now in the final stage of completion. Strategically located off 9th mile Jalan Cheras, in Kuala Lumpur and adjoining the Sungai Long Golf Club, the freehold self-contained township offers quality country living complete with a range of supporting amenities.

This project continued to receive good response from buyers for the launches carried out during the past few years. Despite the cautious property market sentiments experienced during the year, the Division generated an encouraging profit of RM29 million on a higher revenue of RM68 million.

The Division will continue to emphasise on the overall development concept with all the resources in place in making each and every niche product marketable. This will create opportunities for us to increase our sales value which will in turn see an increase in the profit margin.

Furniture Division

Revenue for the Division was flat for the financial year under review as demand from both the export and domestic markets remained stagnant. Sales to the Middle Eastern market which had been our major export contributor, was affected by the political unrest in the region. Coupled with the pricing pressures on our products resulting from the further strengthening of the Ringgit against the US Dollar, a lower operating profit was posted for the current financial year.

The Division will continue to pursue an aggressive approach to secure a bigger market share by expanding its existing customer base and introducing a new range of products with better value-added features targeting the niche market.

CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY

Corporate Social Responsibility

We recognise the importance of Corporate Social Responsibility ("CSR") as an integral part of business and incorporating a CSR framework into our business plan to enhance stakeholder confidence, accountability and transparency. CSR is an important component of good business practice aimed at improving society and the environment.

Society

In carrying out its business activities, the Group is mindful of its responsibilities as a corporate citizen, in giving back to society while contributing to the bottom-line and shareholders' value. The Group is focused on improving the community through education and medical care via the two Foundations established by the Lion Group of Companies of which the Group is a member.

The Lion-Parkson Foundation disburses funds for various needs such as education, charity and scientific research; and every year, awards scholarships and education loans to undergraduates in the local universities. It also participates in the yearly Educare programme with Parkson stores nationwide providing collection bins for the public to donate essential school items such as uniforms, shoes and stationery, which are distributed to needy school children throughout the country. The Lion Group Medical Assistance

Fund provides financial assistance to the less fortunate who require medical treatment including surgery, purchase of medical equipment and medication. The Fund also sponsors community health programmes such as medical camps, and the purchase of dialysis machines for Dialysis Centres providing subsidised treatment to those suffering from kidney failure.

The Group also supports the community by participating in charity programmes and fundraising drives to assist those in need.

Environment

While emphasising on technology and industry developments, the Group seeks to uphold environmental concerns including the sourcing of new technologies and opting for business practices that are environmentally friendly. The Group's operations comply with the environmental laws and regulations governing the industries in which it operates. This includes emissions management aimed at reducing energy consumption, waste and emissions.

The Group subscribes to the safety, health and environmental regulations with a systematic approach reinforced by constant training and monitoring to ensure the safety and well-being of our employees.

PROSPECTS

The tentative recovery in major industrial economies had been undermined by the ratings downgrade in the US, Europe's debt problem and natural disasters in Japan in March 2011. These events have led to a slowdown in the global economy with international steel prices expected to remain soft.

Moving forward, Megasteel will continue to work closely with the Government to address the problem of excessive imports at dumping prices and assist in the formulation of a supportive environment for the local steel industry to grow, upgrade and expand in an orderly manner.

ACKNOWLEDGEMENT

On behalf of the Board, I wish to extend my sincere thanks to all our valued customers, suppliers, financiers, business associates, government authorities and shareholders for their continued support, co-operation and confidence in the Group.

I would also like to convey my deepest appreciation and gratitude to my fellow Directors for their invaluable guidance and contributions throughout the year as well as to record my appreciation to our employees at all levels for their dedication, commitment and contributions to the Group.

TAN SRI WILLIAM H.J. CHENG
Chairman

主席报告

我谨代表董事部，提呈金狮机构有限公司截至2011年6月30日为止的会计年度的常年报告和经审计财务报表。

财务表现

对本集团来说，本年度是非常艰辛的一年，咱们的核心业务平板钢业不仅受到全球经济衰退的影响，雪上加霜的更是本地订单的剧减。美佳钢铁是我国唯一生产热轧钢卷的工厂，也是本集团的主要子公司。由于热轧钢卷的国内订单大减，美佳钢铁的营业额大跌。在2010年，尽管国内对热轧钢卷的需求增加，但由于唯利是图的入口商大量入口热轧钢卷，使美佳钢铁的生产量大减。那些入口商滥用入口条例的漏洞，使到国内的热轧钢卷市场泛滥。原本预期会有光明前景的钢铁业，由于海外需求疲软而受到进一步打击。海外需求减少，是由于欧洲国家的债务危机和美国信贷评级下调而面对经济困境所致。原料价格急速上升，能源价格也随着上涨，也对美佳钢铁不利。

在本会计年度，由于营业环境不佳，本集团的营业额减少，只有31亿令吉，上一年度是37亿令吉。税前亏损是3亿4千800万令吉，上一年度则是1亿4千500万令吉。

我们主要联号金狮工业(它主要涉及制造长钢产品)，也面对需求疲弱和利润率下降。不过，它的钢铁业业务不振，受到其他业务有更佳表现部分抵消，导致由金狮机构分享的利润达到6千700万令吉。

本集团也正在和各方面讨论，以便合理化其钢铁业务，如果成功，将能减少借债，同时加强财务地位。

企业发展

在本会计年度，本集团把在京那峇鲁汽车装配私人有限公司的全部50.01%股权卖给MBM Resources Berhad，售价是1令吉以及勾销公司之间的债务总金额1千300万令吉。

业务检讨

本集团主要从事以下的业务：

- 制造和销售热轧钢卷、冷轧钢卷以及其他和钢铁相关的产品（“钢铁”）；
- 产业发展（“产业”）；
- 制造和销售办公室配备、保安配备以及和钢铁有关的产品（“家具”）；以及
- 投资控股、售卖商用车辆、提供股票注册以及秘书服务（“其他”）。

单位： 百万令吉	营业额		营业利润 / (亏损)	
	2011	2010	2011	2010
钢铁	3,017	3,606	(146)	249
产业	68	61	29	17
家具	31	32	1	1
其他	3	4	8	8
	3,119	3,703	(108)	275

（“营业利润/亏损”是指没有包括利息、投资收入、分享联号的业绩以及税务在内的营业利润/(亏损)）。

钢铁组

本集团的钢铁业务主要是从事制造热轧钢卷，这种钢卷是制造业、工程业、工业及建筑业创造的附加价值的重要原料；它在本会计年度经历了特别困难的一年。它的表现受到唯利是图的入口商的沉重打击；这些入口商利用入口条例的漏洞，使国内的热轧钢卷市场泛滥。

为了不使本地的平板钢工业（包括热轧钢卷和冷轧钢卷）受到进一步的侵蚀，美佳钢铁在2011年4月向政府请愿，要求实施35%保护关税，从而使到能够在国内生产的热轧钢卷的入口税从25%提高到60%。这将为本地的平板钢铁工业创造一个平等的平台，因为邻近的东盟国家实施更高的反倾销税务。

不过，政府在接到下游钢铁生产业者的反对之后拒绝了美佳钢铁提出保护税务的要求，下游钢铁生产者有意采取短期的狭隘观点，而不是支持本地钢铁工业的长期发展。美佳钢铁尽管对一时的挫折深感失望，将会继续和政府密切合作，通过鉴定和堵住漏洞加强本地的钢铁工业。

在本会计年度，本组营业额大减至30亿令吉，上一年度是36亿令吉。本组蒙受1亿4千600万令吉的营业亏损，上一年度是取得2亿4千900万令吉的营业利润。

本组的前景仍然充满挑战，它将继续和有关各造密切合作，以确保本地钢铁业拥有平等的平台。

产业组

我们的产业组涉及在蕉赖称为“蕉赖皇冠城”的主要市镇最后阶段的发展工作。这个市镇位于吉隆坡蕉赖路9英里，邻近双溪龙高尔夫球俱乐部。它是拥有永久地契、能够自给自足的市镇，提供有素质的生活方式，备有各种支援性设施。

这项计划在过去几年不断获得购屋者良好反应。尽管在本会计年度，产业市场处于谨慎情况，本组的营业额增加到6千800万令吉，获得2千900万令吉的更高利润，情况令人鼓舞。

本组将继续强调全面性发展概念，拥有各方面的资源，使到每一个利基产品都能销售出去。这将创造机会，让我们增加销售价值，从而提高盈利。

家具组

在本会计年度，本组的营业额持平，因为出口市场和国内市场的需求都呆滞。中东市场是我们的主要出口来源，然而该市场的销售受到当地政治动荡的影响。加上令吉对美元进一步升值，使到我们的产品遭受价格压力，造成本会计年度的营业利润下降。

本组将继续采取积极进取的策略，以获得更大的市场份额，方法是扩大现有的市场基础，以及推介拥有高附加值的一系列新产品，瞄准利基市场。

企业社会责任

我们认同企业社会责任的重要性并把它视为公司治理框架中不可或缺的一部分，以加强权益相关者的信心、责任感和透明度。企业社会责任是实良好营商原则重要的一环，以改善社会服务和环境发展。

社会

本集团在展开商业活动时，深切了解到企业公民的责任，在提高利润和股东企业价值的同时，也不忘回馈社会。金狮集团成立的两个基金，身为其成员，本集团着重于通过这两项基金，以教育和医疗服务来回馈社会。

金狮百盛基金（Lion-Parkson Foundation）拨款供作教育、慈善及科学研究用途；每年都提供奖学金和免息贷款给在本地大学深造的在籍大学本科生。它也联合全国百盛商店参与年度教育计划，提供回收箱给大众，以便捐献学校必需品如校服、鞋子和文具，然后分发给全国各地有需要的学童。金狮集团医药援助基金则为迫切需要医疗的人士提供财务援助，包括手术、购置仪器和药物。这项基金也赞助社区保健计划如医疗营，并且为那些向弱势社群提供津贴治疗服务的洗肾中心添购洗肾机器。

本集团也通过参与福利与筹款活动为社会做出贡献，同时也为有需要的人士提供援助。

环境

在追随科技和工业发展之际，本集团也同时关心环境保护，业务运作严格遵守其所在领域的环境法律及条例管制。面对能源及天然资源的需求日益增加，我们也为业务运作鉴定替代能源，并且选择具环保作用的新技术。这包括扩散管理，旨在减低能源消耗、废料及扩散。

本集团有系统地通过定期培训和有效的监管，来落实安全、卫生及环保条例，以确保员工的安全和福利获得照顾。

展望

先进工业国经济的暂时性复苏，由于美国信贷评级下降、欧洲债务问题以及日本在2011年3月发生天灾而欲振无力。这些事件导致全球经济放缓，也使国际钢铁价格持续疲软。

展望未来，美佳钢铁将会继续和政府密切合作，以应付以倾销价格过度入口的问题，及协助创造支援性环境，让本地钢铁工业有秩序的成长、升级和扩展。

鸣谢

我谨代表董事部、真诚感谢所有尊贵的客户、银行家、商业伙伴、政府机构以及股东们，继续给予本集团支持与合作，及对本集团有信心。

我也要真诚感谢董事们，在过去一年来给予的指导和所作的贡献。也要感谢我们的各级雇员的献身精神及对本集团的贡献。

主席
丹斯里锺廷森